

PM ajak rakyat betulkan umat Islam yang sesat

BH 29 MAR 1986

NILAM PURI (Kota Bharu), Jumaat — Rakyat hari ini diminta turut sama membetulkan umat Islam yang terpengaruh dengan fahaman politik Pas supaya kembali ke pangkal jalan dan mengikut ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sudah sampai masanya umat Islam turut sama menolong menyedarkan umat Islam yang disesatkan itu supaya membetulkan segala fahaman yang bercanggah dengan ajaran Islam itu.

"Sekarang saya dan rakan-rakan saya akan berusaha membawa balik mereka ke jalan yang benar, supaya sesetengah umat Islam negara ini tidak terus berada dalam kesesatan," ujarnya.

Berucap di hadapan kira-kira 5,000 penduduk Kampung Mulong, dekat sini sempena merasmikan projek tanaman bersepadu di kampung itu, Perdana Menteri berkata, "Kita mempunyai tanggungjawab menarik balik mereka yang sesat itu bukan kerana politik, tetapi kerana tanggungjawab Islam."

Syurga

"Kerajaan juga tidak meminta mereka menyokong kita, biarlah mereka terus dengan parti yang mereka sokong, tetapi kita minta supaya meninggalkan ajaran-ajaran sesat yang boleh merugikan mereka sendiri.

lagi secara sembunyi-sembunyi seperti pada masa lalu.

"Mereka sudah berani menyatakan sesuatu yang disembunyikan selama ini, seperti ada yang menyebut kononnya jika mahu masuk syurga atau menjadi orang Islam yang sebenarnya mereka hendaklah menyertai Pas," ujarnya.

Bukti yang paling jelas sekali berikutan berlakunya peristiwa berdarah di Memali, Kedah, 19 November lalu yang mengorbankan 18 nyawa, termasuk empat anggota pasukan keselamatan.

"Kita sedih dengan peristiwa itu bukan sahaja kerana kematian anggota pasukan keselamatan, tetapi sedih kerana mengorbankan nyawa

pengikut-pengikut ajaran yang dibawa oleh pemimpin mereka itu," katanya.

Mereka juga, katanya, tetap dengan pendapat dan fatwa mereka kononnya 14 orang yang terbunuh dalam peristiwa itu adalah mati syahid.

Katanya, pendapat seperti inilah yang membahayakan bukan sahaja kepada perpaduan umat tetapi juga akidah dan kepercayaan umat Islam yang sebenarnya.

"Inilah antara bahayanya jika kita menyalahgunakan al-Quran dan Hadis," katanya.

Presiden Umno itu mengulangi bahawa parti Pas bukanlah sebuah parti Islam, "tetapi sebuah parti yang mempelewatkan agama Islam".

Habis.

"Walaupun mereka itu terus dalam Pas, tetapi jangan pula mereka mengkafirkan orang Umno dan pegawai-pegawai kerajaan," tambahnya.

Beliau berkata ada antara pemimpin Pas melarang penyokong-penyokongnya mendengar ceramah-ceramah Umno kerana bimbang mereka terpengaruh dengan fahaman politik yang dibawa oleh pemimpin-pemimpin Umno.

Perdana Menteri berkata cara pemimpin Pas mempengaruhi rakyat sekarang dengan mengkafirkan orang Umno dan pegawai-pegawai kerajaan adalah secara terang-terang, tidak